

# Umno anjur kursus 'kenali' ajaran sesat

BH 14 JUL 2000

Oleh Veena Rusli

KOTA BHARU, Khamis - Umno akan menggerakkan jenteranya untuk memberi penerangan kepada ahli varti di seluruh negara berhubung isu ajaran sesat bermula minggu depan, bagi memastikan pengaruh pemesongan itu tidak menular ke peringkat akar umbi.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Mustapa Mohamed, berkata kursus khas berhubung isu ajaran sesat, termasuk Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah (Al-Ma'unah) akan diadakan di ibu pejabat Umno bagi membolehkan penjelasan lengkap dilakukan kepada semua ahli parti.

Difahamkan, kursus sehari itu akan berlangsung di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hujung minggu ini, membabitkan penerangan dari aspek keselamatan oleh pihak polis di samping penjelasan dari sudut agama dengan dihadiri wakil Umno dari setiap negeri kecuali Sarawak.

Pertemuan kira-kira dua jam itu dihadiri semua ketua bahagian kecuali Gua Musang, Tengku Razaleigh dan Pasir Mas, Datuk Ibrahim Ali.

Bagi tujuan memperluasnya cakupan sasaran di Kelantan, Mustapa berkata Umno negeri akan melantik beberapa penceramah tetap yang berwibawa dan sanggup mengorbankan masa serta tenaga bagi membantu Umno.

"Kita menunggu cadangan dari setiap bahagian

“

**Kursus ini membabitkan penerangan dari aspek keselamatan oleh pihak polis di samping penjelasan dari sudut agama dengan dihadiri wakil Umno dari setiap negeri.**

”

- Mustapa Mohamed

Beliau berkata, perkara itu adalah antara isu penting yang perlu diperjelaskan dengan mendalam kepada ahli parti, selaras usaha menarik sokongan lebih banyak pihak menyertai wadah perjuangan Umno.

"Kita akui sesi ceramah untuk menjelaskan sesuatu isu lebih mendapat sambutan ketika musim pilihan raya, jadi jentera Umno akan mengubah pendekatan serta mengatur strategi baru bagi memikat perhatian umum, termasuk di Kelantan.

"Bentuk strategi itu tak bolehlah didedahkan, tapi kita menyedari bahawa sebelum ini ceramah Umno

ketika musim pilihan raya khususnya cuma dihadiri oleh ahli Umno... kita gagal menarik sasaran lebih luas seperti pengundi 'atas pagar' dan orang (penyokong) Pas," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan di Bangunan Umno di sini, petang ini.

Mesyuarat itu adalah yang pertama diadakan selepas Mustapa dilantik Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan menggantikan Tengku Razaleigh Hamzah, awal bulan ini.

untuk mengetengahkan individu yang mampu, menarik perhatian umum menerusi pidato, cuma sebelum ini mereka kurang diberi pendedahan.

"Umno Kelantan bukannya tiada penceramah, memang ada... cuma kebanyakan mereka kurang ditonjolkan tetapi keadaan akan berubah selepas ini," katanya.

Sambil menjelaskan pihaknya belum membuat sebarang pelantikan baru bagi pentadbiran Umno

negeri, beliau berkata tumpuan di Kelantan kini menjurus ke arah usaha mengemas kini maklumat dan melakukan pengubahsuaian sewajarnya bagi menjadikan Umno lebih mesra rakyat dari segi perkhidmatan.

Selain cadangan mengajurkan konvensyen Umno peringkat negeri yang belum ditetapkan tarikhnya, Mustapa berkata persetujuan turut dicapai supaya setiap Umno bahagian mengatur rancangan

membahaskan ucapan Presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pada Perhimpunan Agung Umno lalu.

Beliau berkata, Umno Kelantan juga bercadang mengadakan mesyuarat badan perhubungan di bahagian lain dan tidak tertumpu di Kota Bharu semata-mata, seperti mana mesyuarat Ahli Majlis Tertinggi Umno (MT) yang turut diadakan di luar Kuala Lumpur mulai bulan ini.